

Kuiz Pelaburan PNB 2021

Kuala Lumpur

Ramai antara kita yang melabur, tetapi tidak pernah ambil tahu atau cuba memahami apa itu kuasa faedah kompaun, akibatnya modal pelaburan tidak berkembang walaupun sudah lama wang dilaburkan setiap bulan.

Apakah keistimewaan kuasa faedah kompaun ini sehingga saintis terkenal, Albert Einstein menggelarinya sebagai keajaiban dunia yang ke-8?

Malah, beliau menyatakan bahawa sesiapa yang memahami kuasa faedah kompaun akan menerima manfaat sangat besar, tetapi bagi yang tidak mengendakannya, mereka akan menanggung kerugian.

Konsep kuasa kompaun secara ringkasnya ialah apabila dividen yang diterima daripada pelaburan, tidak dikeluarkan dan menjadi sebahagian daripada modal.

Tahun demi tahun, apabila dividen tidak dikeluarkan, modal pelaburan akan terus bertambah dengan

Kuasa faedah kompaun kembangkan pelaburan

sendirinya.

Sebagai contoh, anda melabur sebanyak RM5,000 selama lima tahun dan sepanjang tempoh itu, anda menerima purata dividen tanunan sebanyak empat peratus.

Berapa agaknya jumlah terkumpul pelaburan selepas lima tahun?

Jumlahnya boleh bertambah kepada kira-kira RM6,104 dengan syarat modal pelaburan dan dividen tidak dikeluarkan sepanjang tempoh pelaburan berkenaan.

Tukuhkah anda dari mana datangnya tambahan RM1,104 itu?

Jumlah itu sebenarnya dividen terkumpul yang tidak dikeluarkan sepanjang tempoh pelaburan berkenaan.

Bagaimana pula jika anda



PELABURAN, walau dalam jumlah kecil, tetapi jika dilakukan secara konsisten setiap bulan ia mampu berganda selepas satu tempoh tertentu sekiranya modal dan dividen tidak dikeluarkan.

mula melabur dengan hanya RM100 setiap bulan?

Berapa agaknya jumlah terkumpul selepas lima tahun jika dividen purata ialah

empat peratus setahun?

Jumlah terkumpul ialah kira-kira RM6,629 yang mana RM629 ialah dividen terkumpul.

Syaratnya tetap sama, elakkan mengeluarkan modal pelaburan dan dividen dan melaburlah untuk jangka panjang supaya modal pelaburan boleh berkembang dengan pantas.

Lebih lama tempoh pelaburan lebih besarlah jumlah yang boleh dikumpul.

Tanpa disiplin dan komitmen untuk melabur, kita tidak mungkin mampu untuk menyimpan walau RM1,000 ringgit sekalipun, apatah lagi membina tabung kecemasan untuk tempoh enam bulan seperti yang disarankan ramai pakar kewangan.

Sebenarnya untuk melabur dan membina tabungan tidaklah sesukar yang dibayangkan, lebih-lebih lagi dengan adanya pilihan pelaburan seperti unit amanah harga tetap ASB dan deposit

tap yang mana pelabur tidak akan kehilangan modal pelaburan.

Tetap saja pelaburan setiap bulan berdasarkan kemampuan, walau jumlah itu serendah RM10 sekalipun untuk mendidik diri melabur jika berasa sukar untuk memulakannya.

Kita selalu terlupa untuk melabur, tetapi tidak pernah segan untuk menambah hutang sedangkan kadangkala hutang itu tidak perlu ada pun kerana kita membeli barang mewah yang tidak diperlukan.

Sudahnya, kita tidak mempunyai tabungan sebagai sandaran saat memerlukan dan lebih malang lagi, terpaksa pula meminjam dan menambah hutang kerana tiada tabungan sebagai sandaran.

#capaikemerdekaankewangan

KUIZ PELABURAN PNB 2021

ONLINE KATEGORI UMUM

P	E	L	A	B	U	R	A	N	Q
I	U	I	D	S	J	F	F	H	C
R	K	H	E	O	K	B	E	K	K
I	A	W	P	U	O	N	U	I	A
S	E	H	O	S	M	K	N	N	P
I	N	M	T	R	P	L	I	F	O
K	H	T	E	L	A	W	T	L	U
O	L	T	T	E	U	W	Z	A	M
F	I	C	A	J	N	G	X	S	L
H	N	B	P	T	A	Y	F	I	A
Y	A	J	P	F	A	S	B	K	B
O	H	S	A	E	N	P	M	N	O
A	S	B	K	S	E	M	B	A	N
A	U	T	O	L	A	B	U	R	O

Cari jawapan di sini

SOALAN-SOALAN

- Abu melabur sebanyak RM10,000 dalam unit amanah ABC pada Januari 2015. Selepas 5 tahun, Abu menyemak pelaburannya dan mendapati modalnya telah berkembang kepada RM12,209. Abu dimaklumkan dia menerima purata dividen 4 peratus sepanjang tempoh 5 tahun berkenaan. Modal pelaburan Abu berkembang kerana kuasa faedah.
- Petunjuk: Saintis terkenal Albert Einstein menggelar kuasa ini sebagai Keajaiban dunia yang ke-8!
- ASB ialah unit amanah harga Ini menjadikannya produk pelaburan berisiko rendah yang sesuai untuk pelaburan jangka panjang dan membina tabungan pendidikan, kecemasan, perkahwinan dan persaraan.
- Petunjuk: Harga seunit kekal pada RM1.
- Wang yang disimpan di rumah atau dalam akaun simpanan tidak akan berkembang. Untuk mengembangkan wang dan melindungi nilainya daripada inflasi, kita perlu membuat
- Petunjuk: Pasaran saham, unit Amanah, Hartanah, Emas.
- Konsep Labur dahulu baru belanja akan membolehkan seseorang melabur secara konsisten setiap bulan. Lebih mudah lagi jika kita menggunakan kemudahan pelaburan automatik untuk menetapkan pelaburan bulanan. Apakah nama kemudahan yang ditawarkan ASNB secara percuma yang membolehkan pelabur melabur secara automatik setiap bulan?
- Petunjuk: myASNB
- Dua faktor ini saling berkait dalam menilai kesesuaian produk pelaburan dengan matlamat dan portfolio pelaburan yang kita inginkan. Secara umumnya, jika kita mengharapkan pulangan tinggi, kita juga perlu sanggup menanggung yang tinggi.
- Petunjuk: Pendedahan/kemungkinan menanggung kerugian

Hadiyah untuk dimenangi
Pertama

3x **RM2,000**

KEDUA **5x RM1,500** KETIGA **7x RM1,000**

KEEMPAT **20x RM300** KELIMA **30x RM200**

Saguhati : **100x RM100**

KAEDAH PENYERTAAN

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas.
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line).
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tidak ada penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan pengangur. Keputusan pemenang adalah mutlak.
- Termasuk syarat lanjut peraturan di www.asnb.com.my.



Imbas untuk jawab dan penyertaan

Tarikh tutup penyertaan : 31 Ogos 2021